

# Wanita Pertama Turkiye lawat Taman Botani Perdana

**KUALA LUMPUR** - Wanita Pertama Turkiye, Emine Erdogan meluangkan masa kira-kira satu jam melawat Taman Botani Perdana di sini pada Selasa.

Emine disambut oleh isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Sebagai seorang penyokong terkemuka dunia dalam kelestarian alam sekitar, Emine melawat reruai pameran yang memaparkan Pengurusan Sisa Sifar Kuala Lumpur oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Renergy Bumi Hijau, dan Malaysian Green Technology and Climate Change (MGTC).

Semasa lawatan tersebut, Emine turut menanam pokok merbau di kawasan taman.  
- *Bernama*



**Emine (tengah) melawat Taman Botani sempena lawatan rasmi dua hari Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan pada Selasa.**